

Latar Geografi Maritim dan Akal Budi Melayu dalam Pantun

Maritime Geographical Setting and Malay Mind in Pantun

MAULANA AL-FIN CHE MAN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & JUNAINI KASDAN

ABSTRAK

Struktur latar geografi maritim di Nusantara banyak dicatatkan dalam pantun-pantun tradisional Melayu. Alam geografi terbahagi kepada dua, iaitu geografi fizikal dan geografi manusia. Masyarakat Melayu lebih banyak menggunakan latar geografi fizikal yang melibatkan alam sekeliling dalam penciptaan pantun. Nilai estetika pantun dapat dilihat melalui pemilihan leksikal dan makna yang tepat, pemikiran dan falsafah yang keseluruhannya terkandung dalam rangkap pantun. Walaupun telah banyak kajian lalu berkaitan pantun dijalankan, namun kebanyakan kajian hanya menghuraikan makna pantun secara deskriptif berpandukan bait-bait pantun. Kajian pantun berasaskan teori, seperti Teori Relevans dan Teori Medan Makna hanya terhenti pada peringkat kognitif. Kajian pantun yang berlandaskan pendekatan semantik inkuisitif pula lebih tertumpu kepada elemen flora dan fauna berbanding latar geografi maritim. Bagi mengisi kelompangan kajian lalu, maka kajian ini akan memberikan tumpuan kepada unsur maritim dalam pantun, khususnya latar geografi maritim berteraskan pendekatan semantik inkuisitif. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk (1) mengenal pasti geografi tempat (maritim) berdasarkan unsur geografi yang terdapat dalam pantun tradisional Melayu, seperti pulau, tanjung, kuala, teluk, laut dan pantai; (2) menghuraikan hubungan pembayang dan makna pantun yang mengandungi unsur geografi tempat (maritim) secara lebih mendalam, sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu. Data kajian ini difokuskan kepada pantun yang berunsurkan geografi tempat (maritim) daripada buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2013). Sebanyak 408 pantun yang mempunyai leksikal geografi tempat (maritim) dianalisis menggunakan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif. Hasil kajian mendapati bahawa objek 'tanjung' bersifat metafora dan dianalogikan kepada 'tapak kasih sayang', manakala objek 'pulau' pula dianalogikan kepada 'jarak kasih sayang'. Pemilihan objek 'tanjung' dan 'pulau' membuktikan kehalusan akal budi Melayu yang mengasosiasikan objek tersebut dengan pemeringkatan dan kesantunan dalam amalan berkaasih sayang masyarakat Melayu terdahulu.

Kata kunci: Geografi; maritim; pantun; akal budi; semantik inkuisitif

ABSTRACT

The Malay pantuns illustrate the structure of the Malay archipelago's geographical setting (maritime). Geography is classified into two categories: physical and human geography. Malay society makes more use of physical geographical contexts in the writing of pantuns. The aesthetic value of pantuns can be determined by the lexical choice and the specific meanings, concepts, and philosophies contained solely within the pantun's verses. Although much research has been carried out on pantuns, most merely elaborate the meaning descriptively based on the words themselves. Theories such as Relevance Theory and Mean-Field Theory only emphasize the cognitive level. Meanwhile, an inquisitive semantic approach focuses more on flora and fauna. Therefore, this study concentrates on maritime elements found in the pantun based on an inquisitive semantic approach. Specifically, this study aims to (1) identify the geographical settings (maritime) based on the elements found in Malay pantun, such as islands, headlands, estuaries, bays, seas, and beaches; and (2) to describe the relationship of allusion and the meaning of pantun that contain geographical settings (maritime) concerning the Malay philosophy and mind. The data was gathered based on the book entitled Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2013) that contains geographical settings (maritime). 408 pantuns, including lexical geographical settings (maritime), were analyzed using ad-hoc concepts and an inquisitive semantic approach. The findings indicate that the 'headland' is metaphorical and comparable to a 'love setting,' but the 'island' is equivalent to a 'love distance.' The selection of 'headland' and 'island' demonstrates the intricacy of the Malay mind, which relates the object with the degree and decency of the love practices of the olden Malay community.

Keywords: Geography; maritime; pantun; Malay mind; inquisitive semantics

PENGENALAN

Pantun merupakan salah satu medium yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu hal secara halus supaya dapat menjaga air muka orang yang mendengarnya. Menurut Nik Safiah Karim (2006) pantun masih relevan dan segar dan berfungsi, walaupun zaman kini semakin moden dan canggih. Pantun masih lagi digunakan dalam nyanyian, majlis-majlis formal dan turut dimasukkan dalam ucapan-ucapan rasmi. Pantun ialah sebuah karangan berangkap yang mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian pertama terdiri daripada pembayang pantun dan bahagian kedua melibatkan makna pantun serta memiliki rima yang indah (Zaba 1965). Masyarakat Melayu terdahulu menggunakan pantun untuk berfalsafah dalam memberikan teguran, nasihat, pendapat dan juga dalam menyampaikan hasrat.

Nor Hashimah Jalaluddin (2020a) berpendapat bahawa orang Melayu bukan sahaja akrab dengan alam sekeliling, malahan deria, anggota tubuh dan hati telah dijadikan analogi metafora yang berguna. Di sini, pengkaji dapat katakan bahawa setiap pantun mempunyai objek tertentu yang digunakan untuk menganalogikan sesuatu perkara, termasuklah latar geografi maritim, seperti tanjung, pulau, kuala, pantai, teluk, lautan, lubuk, selat, muara, tebing tinggi dan benua. Permukaan bumi maritim ini memiliki makna dan falsafah yang tersendiri dalam penciptaan pantun Melayu. Bagi memahami makna sebenar pantun Melayu, pengkaji telah mengaplikasikan konsep ad-hoc (Carston 2002) yang terdapat dalam Teori Relevans dan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin 2014).

Ilmuwan Yunani, iaitu Erathosthenes mentakrifkan istilah Geo sebagai bumi dan Graphos bermaksud kajian atau penerangan. Menurut Reenow Linda L. (1995), geografi merupakan sains yang mengkaji hubungan kait antara lokasi benda hidup dan benda bukan hidup, manakala Suharyono dan Moch Amien (1994) mentakrifkan geografi sebagai ilmu yang mempelajari persamaan dan perbezaan fenomena geosfer dengan sudut pandang kelingkungan dan kewilayahan dalam konteks reruang. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh para pakar geografi ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa geografi merujuk kepada unsur-unsur yang berkaitan dengan persekitaran alam semula jadi dan persekitaran manusia yang terbahagi kepada geografi fizikal dan geografi manusia.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian-kajian lepas terhadap pantun sangat banyak dilakukan. Namun begitu kajian yang telah dijalankan oleh Zahir Ahmad (2005), Muhammad Haji Salleh (2011), Xu You Nian (2015) hanya menghuraikan makna pantun secara deskriptif berpandukan bait-bait pantun. Kajian Zahir Ahmad (2005) dilihat hanya memperincikan tentang sejarah nama-nama tempat yang digunakan sebagai objek dalam pantun Melayu. Seterusnya, kajian yang menggunakan data pantun ini bergerak kepada kajian yang melibatkan teori-teori tertentu, seperti teori Rantain Makhluq Utama, Teori Relevans dan Teori Medan makna untuk mentafsir makna. Antara pengkaji lepas yang telah menyentuh pantun dengan menggunakan teori ialah Hassan Ahmad (2003), Muhamad Fadzllah Hj. Zaini (2015), Salinah Jaafar (2018), serta Nur Ain Nasir, Zuraidah Jantan dan Rozaimah Rashidin (2019). Walau bagaimanapun, kajian pengkaji lepas cenderung terhenti pada peringkat kognitif sahaja, iaitu hanya melibatkan analisis proses pentafsiran makna pada peringkat minda manusia.

Kajian pantun bukan sahaja dijalankan dalam bidang linguistik, tetapi juga bidang-bidang lain, seperti bidang sastera, sosiologi, antropologi dan psikologi. Antara pengkaji yang menggunakan data pantun dalam kajian mereka ialah Siti Khairah Mohd Zubir (2012), Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa (2014), serta Madiawati et al. (2020). Para pengkaji menggunakan teori dan pendekatan yang terdapat dalam bidang masing-masing, seperti eklektik, Teori Kritikan Sastera, pendekatan moral Islam dan pendekatan feminisme. Sebagai contoh, kajian Madiawati Mamat@Mustaffa, Nurhamizah Hashim dan Eizah Mat Hussain (2020) telah memaparkan pantun-pantun yang mengandungi unsur perpaduan berbilang kaum yang terdapat di Malaysia dan menghuraikan pantun Melayu dengan mengaplikasikan konsep perpaduan yang terdapat dalam metodologi pengajian sosiologi.

Selain itu, terdapat beberapa pengkaji lepas yang menerapkan pendekatan semantik inkuisitif dan menggunakan pantun sebagai data utama kajian. Sekadar menyebutkan beberapa nama, Nor Hashimah Jalaluddin (2014; 2019), dan Maulana Al-Fin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016) adalah antara pengkaji yang dimaksudkan. Namun begitu, kesemua pengkaji ini tidak menyentuh tentang objek maritim, sebaliknya memilih objek flora dan fauna sebagai fokus utama. Kajian Nor Hashimah

Jalaluddin (2019) misalnya, menyentuh tentang objek ulam-ulaman dan berjaya mencungkil makna pantun sehingga menyerlahkan akal budi dan falsafah masyarakat Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan memberikan tumpuan kepada kajian teks pantun. Bagi mencapai objektif kajian, buku-buku dan makalah yang berkaitan dengan Teori Semantik dan Teori Pragmatik, khususnya Teori Relevans dan pendekatan semantik inkuisitif telah dijadikan bahan rujukan utama. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memanfaatkan kerangka teori, mengembangkan idea baharu dan mengenal pasti permasalahan kajian dengan lebih mudah.

Tatacara pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa peringkat, iaitu penyaringan, pengekodan, pengelompokan dan pemilihan data. Data pantun yang diambil daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (KKMS) (2013) disaring dan dicerakinkan mengikut nama-nama tempat geografi maritim seperti tanjung, pulau, kuala, pantai, teluk, lautan, lubuk, selat, muara, tebing tinggi dan benua. Proses ini dilakukan melalui pembacaan secara teliti bagi mengelakkan daripada data tercicir. Dalam proses penyaringan ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 318 rangkap pantun yang berkaitan latar geografi maritim. Selepas penyaringan data dilakukan, data-data tersebut dikodkan dengan merujuk kepada leksikal berkaitan maritim disenaraikan sebagai data terkumpul. Data-data ini dicatat berdasarkan bilangan kekerapan leksikal berkaitan maritim dalam pantun mengikut halaman pantun tersebut.

Selain itu, pengkaji turut menjalankan kaedah temu bual bersama-sama pelaut dan nelayan di Pantai Timur, Terengganu Malaysia. Temu bual ini adalah sebagai rujukan dan maklumat tambahan terhadap analisis yang dijalankan. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan ini, pengkaji berjaya memperoleh pelbagai maklumat, seperti pengalaman responden, teknik pelayaran, dan hal-hal yang tidak terkandung di dalam penulisan buku mahupun jurnal. Contohnya, teknik belayar menggunakan rujukan bintang dan gelombang air laut. Maklumat-maklumat yang diperoleh ini dapat membantu mengukuhkan huraian dalam bahagian analisis kajian.

KERANGKA TEORI DAN PENDEKATAN


Sesebuah kajian tidak dianggap lengkap jika tidak mempunyai teori yang mendukung kajian tersebut. Sinclair. J (2004) berpendapat bahawa setiap kajian harus menggunakan teori yang sesuai supaya analisis kajian yang dijalankan dapat difahami dengan lebih mudah. Sesuatu kajian yang disandarkan pada satu-satu teori yang sesuai dianggap mempunyai ciri-ciri saintifik apabila memenuhi tiga ciri kepada, iaitu memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena yang dikaji (Nor Hashimah Jalaluddin 2007). Justeru, kajian ini mengaplikasikan konsep ad-hoc yang diperkenalkan oleh Carston (2002) yang merupakan sub-konsep dalam Teori Relevans dan memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif bagi menerokai makna sebenarnya pantun Melayu sehingga menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014; 2017; 2018) telah mengusulkan pendekatan semantik inkuisitif dalam proses untuk mentafsir makna. Beliau melakukan penambahbaikan kepada semantik skrip dan semantik resonans. Semantik skrip adalah berasaskan kepada pemerhatian mengenai fenomena bahasa dan terhad kepada makna harfiah sahaja, manakala semantik resonans pula melangkah setapak lagi ke arah pencungkilan makna pada peringkat kognitif. Pada peringkat ini, data mula dianalisis dalam kerangka teoritis. Namun, analisis pada peringkat ini juga terhad kepada makna kognitif tanpa dapat mencungkil falsafah Melayu dengan lebih lanjut. Lantas, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif yang menggabungkan kognitif dengan falsafah dan budaya penutur sehingga dapat mencungkil akal budi penutur bahasa tersebut. Akal budi Melayu bermaksud memahami sesuatu dengan akal yang bijaksana dan pada masa yang sama mampu menjawab segala persoalan mengapa dan bagaimana sesuatu objek dan makna itu dipilih.

Selanjutnya, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) juga menegaskan bahawa semantik inkuisitif ialah semantik yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, falsafah dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Makna yang bersifat abstrak dipetakan kepada data yang bersifat konkrit yang terdapat dalam peribahasa atau pantun, mampu membantu pembaca memahami makna yang hendak disampaikan. Ada satu proses yang terhenti setakat kognitif sebelum ini, iaitu semasa pemetaan makna abstrak kepada makna konkrit.

Dalam proses pemetaan abstrak kepada konkrit ini, wujud ruang mental (*mental space*) (Nor Hashimah Jalaluddin 2020b). Ruang mental ini harus dipenuhi dengan maklumat falsafah dan budaya penutur bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak dicapai. Setelah ditambah maklumat falsafah dan budaya,

maka secara tidak langsung akal budi penuturnya dapat diserlahkan. Persoalan kenapa dan bagaimana juga seharusnya telah terjawab. Berikutnya adalah merupakan Rajah 1 yang menunjukkan carta aliran pendekatan semantik inkusitif yang dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).



RAJAH 1. Aliran pendekatan semantik inkusitif
Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin (2020b)

DATA DAN ANALISIS

Data pantun dalam kajian ini diperoleh daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2013) sahaja. Jadual

1 merupakan paparan dapatan data pantun mengikut kekerapan leksikal geografi tempat (maritim).

JADUAL 1. Bilangan dan peratusan pantun mengikut latar geografi maritim

Domain geografi tempat	Bilangan pantun	Peratusan (%)
Tanjung	83	26.1
Pulau	75	24
Kuala	66	20.7
Teluk	26	8.1
Lautan	23	7.2
Lubuk	16	5.0
Pantai	11	3.5
Selat	9	2.8
Tebing tinggi	4	1.2
Muara	3	0.8
Benua	2	0.6
Jumlah	318	100

Data yang dipaparkan dalam Jadual 1 telah dikelompokkan berdasarkan domain latar geografi maritim. Hal ini bertujuan untuk menjadikan data domain geografi lebih terfokus. Data pantun yang dipilih ini mengandungi leksikal-leksikal kawasan geografi yang berkaitan dengan maritim. Antaranya ialah ‘tanjung’, ‘pulau’, ‘kuala’, ‘teluk’, ‘lautan’, ‘lubuk’, ‘pantai’, ‘selat’, ‘tebing tinggi’, ‘muara’ dan

‘benua’. Namun, sebagai batasan dan ruang lingkup proses analisis data bagi tujuan perbincangan, pengkaji hanya memilih leksikal yang mempunyai nama tempat (kata nama khas) sahaja seperti Tanjung Jati, Pulau Daik, Lautan China dan pelbagai lagi. Kebijaksanaan, kearifan dan kehebatan Melayu dalam mencipta pantun lebih terserlah melalui huraian dan penjelasan terhadap pemilihan objek

dalam domain geografi. Pantun yang mengandungi leksikal ‘tanjung’ merupakan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 83 rangkap pantun, manakala bilangan ‘pulau’ menduduki tangga kedua, iaitu sebanyak 75 rangkap pantun. Oleh itu, pengkaji memilih dua rangkap pantun yang mengandungi leksikal ‘tanjung’ dan ‘pulau’ untuk dijadikan contoh analisis kajian ini, manakala pantun-pantun lainnya dijadikan data yang menyokong pembahasan.

ANALISIS LATAR GEOGRAFI MARITIM

Bahagian ini mengemukakan analisis makna yang lengkap dan terperinci tentang pantun yang mengandungi objek ‘tanjung’ dan objek ‘pulau’ berdasarkan tahapan yang menjadi asas pendekatan semantik inkuisitif. Analisis dimulakan dengan Data 1, iaitu pantun yang mengandungi objek ‘tanjung’ dan kemudiannya diteruskan dengan Data 2, iaitu pantun yang mengandungi objek ‘pulau’.

Pantun 1:

Batu Pahat simpang empat,
 Satu simpang ke Tanjung Melaka;
 Sudah kutilik dalam makrifat,
 Tuan seorang menjadi puja.

JADUAL 2. Analisis eksplikatur – bentuk logik leksikal ‘tanjung’

Eksplikatur	Bentuk Logik
Tanjung	TANJUNG = bahagian hujung tanah yang mengunjur ke tengah laut atau sungai dan lain-lain. <i>(Kamus Dewan Perdana 2020)</i>

Maklumat ensiklopedia yang dapat dihasilkan adalah seperti TANJUNG BERADA DI HUJUNG TANAH, TANJUNG TIADA PENEMPATAN, TANJUNG TEMPAT Mencari Hasil Laut, TANJUNG ADA TANAH LUMPUR, dan TANJUNG ADA BATUAN. Maklumat-maklumat ensiklopedia yang terhasil

TAHAP PERTAMA

Secara harfiahnya, baris pembayang Pantun 1 menceritakan tentang perjalanan seseorang dari negeri Johor ke negeri-negeri yang lain dan salah satunya ialah jalan untuk ke Tanjung Melaka yang terletak di Melaka. Dalam baris makna pantun pula menunjukkan seseorang telah memilih cinta/kekasih hatinya setelah mengenali secara mendalam.

TAHAP KEDUA

Pantun bukan sahaja memiliki susunan rima dan perkataan yang indah, namun turut mengandungi makna yang mendalam (Mohd Rashid Md Idris 2011). Dalam penginterpretasian makna pantun yang tersirat, pengkaji mengaplikasi konsep *ad-hoc* dari Teori Relevans untuk menyingkap makna sebenar objek ‘tanjung’ pada peringkat kognitif. Hal ini demikian kerana objek ‘tanjung’ dianggap sebagai metafora yang disandarkan kepada sesuatu yang lain.

Selepas bentuk logik dibentuk dan difahami secara asas, seterusnya adalah proses pengukuhan maklumat ensiklopedia pada pendengar atau pembaca pantun. Bentuk logik yang terhasil akan lebih mudah untuk mencapai tahap kerelevanan tertinggi jika pendengar atau pembaca berada dalam lingkungan persekitaran kognitif pemantun.


ini adalah daripada pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang dilalui oleh pendengar atau pembaca. Maklumat ensiklopedia dapat dikukuhkan dengan kolokasi yang terdapat dalam data korpus DBP seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Sumber korpus DBP untuk carian kolokasi kata bagi leksikal ‘tanjung’

1. ... dua batang sungai yang bertemu di hujung sebuah ***tanjung*** yang menganjur memisahkan aliran kedua-dua batang sungai tersebut.
2. ... pelaut kecundang dan tenggelam bersama kapal mereka di ***tanjung*** itu yang disifatkan sangat berbahaya untuk pelayaran.
3. ... tahun dari kapal ICL Vikraman yang karam di ***Tanjung*** Tuan dekat sini, Jumaat lalu ditemui oleh pasukan ...
4. ... itu, Azhar berada kira-kira 600 batu nautika dari ***Tanjung*** Horn.
5. ... barat Australia dan kurang 500 batu nautika dari ***Tanjung*** Leeuwin.

Jadual 3 menunjukkan kolokasi penggunaan leksikal ‘tanjung’ bagi mengukuhkan maklumat ensiklopedia pendengar atau pembaca. Sumber korpus DBP ini dapat menunjukkan bentuk dan ciri-ciri tanjung, yang dapat membantu memperkukuh atau menggugurkan maklumat ensiklopedia sedia ada pendengar atau pembaca. Contohnya, tanjung tidak sesuai bagi pengangkutan air yang bersaiz

besar kerana kawasannya yang cetek dan biasanya terdapat batu karang yang keras dan banyak. Analisis seterusnya adalah proses penyempitan makna setelah pengukuhan maklumat ensiklopedia dilakukan. Proses ini adalah untuk menginterpretasikan makna metafora ‘tanjung’. Rajah 2 merupakan proses *ad-hoc* penyempitan bagi metafora ‘tanjung’.



RAJAH 2. Laluan inferens leksikal TANJUNG


Melalui pepadanan bentuk logik dan maklumat ensiklopedia, pengkaji dapat membentuk laluan inferens terhadap leksikal TANJUNG kepada TAPAK KASIH SAYANG. Dalam Pantun 1, terdapat beberapa premis yang dapat membantu pemetaan makna TANJUNG kepada makna TAPAK KASIH SAYANG, iaitu melalui frasa “sudah kutilik dalam makrifat” dan “tuan seorang menjadi puja”. Kedua-dua baris makna ini menunjukkan bahawa ada perasaan kasih dan sayang antara seorang individu kepada seorang individu yang lain. Makrifat, secara istilahnya merujuk kepada satu ilmu mengenali sesuatu atau berfikir dalam-dalam tentang sesuatu (*Kamus Dewan Perdana* 2020). Berdasarkan frasa dalam baris makna Pantun 1, pengkaji menginterpretasikan kepada hal atau proses yang berlaku dalam sesuatu hubungan untuk memilih pasangan. Proses ini melibatkan hal yang bertujuan untuk mengenal hati budi masing-masing dan berfikir sedalam-dalamnya sebelum membuat pilihan pasangan hidup. Frasa dalam baris makna ini dapat diinterpretasikan sebagai perhubungan yang masih di peringkat perkenalan atau belum ada perhubungan lagi.

Langkah seterusnya adalah menyenaraikan inferens yang paling relevan untuk diproses. Setelah melalui beberapa proses seperti eksplikatur – bentuk logik, maklumat ensiklopedia dan proses penyempitan makna, maka lapisan implikatur dapat dikenal pasti oleh pendengar atau pembaca dengan lebih jelas. Berikut merupakan beberapa inferens

yang akan dipilih dan ditolak oleh pendengar atau pembaca untuk mencapai relevan secara optimum.

1. TANJUNG ADALAH UNJURAN DARATAN
2. TANJUNG ADALAH TEMPAT YANG CETEK
3. TANJUNG ADALAH PERMULAAN
4. TANJUNG ADALAH PENANDA
5. TANJUNG ADALAH TAPAK KASIH SAYANG*

Inferens (a) dan (b) merupakan inferens yang bersifat literal, iaitu inferens yang tidak mengandungi unsur metafora. Oleh itu, inferens ini tertolak dengan sendirinya. Pilihan inferens (c) dan (d) memperlihatkan berlakunya aktiviti mental yang berbentuk metonimi apabila TANJUNG merujuk kepada permulaan atau penanda kasih sayang yang berlaku dalam sesetengah pasangan, seperti ciri-ciri TANJUNG tersebut. Namun begitu, pilihan ini belum dianggap sebagai makna metafora yang diimplikasikan oleh Pantun 1. Berdasarkan andaian kontekstual dan kesan kognitif yang telah diperoleh sebelum ini, pilihan inferens (e) merupakan inferens yang paling relevan dan memberikan makna sebenar pantun yang ingin disampaikan oleh pemantun. Hal ini demikian kerana, sebelum menjalinkan percintaan sudah semestinya wujud proses perkenalan dan rasa berkenan di dalam hati yang dapat ditafsirkan sebagai TAPAK KASIH SAYANG*. Berikut merupakan Gambar rajah Venn bagi menunjukkan proses kognitif yang terjadi dalam minda manusia berdasarkan inferens yang telah dihasilkan.



RAJAH 3. Gambar rajah Venn bagi Proses ad-hoc penyempitan leksikal TANJUNG

Secara gambarannya, inferens yang terdapat dalam lingkungan C* adalah inferens yang paling relevan dengan makna yang ingin disampaikan dalam Pantun 1. Oleh itu, inferens yang wujud dalam lingkungan L akan tergugur dengan sendirinya. Eksplikatur TANJUNG dalam baris pembayang Pantun 1 dapat dikeluarkan andaian implikaturnya. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kesimpulan implikatur dapat dibentuk, iaitu TAPAK KASIH SAYANG. Makna dan fungsi sebenar metafora ini dapat ditafsirkan dengan mudah setelah usaha memproses direndahkan dan kesan kognitif ditinggikan. Analisis seterusnya adalah tahap ketiga, iaitu melibatkan penerokaan falsafah dan akal budi Melayu. Tahap ketiga ini akan menjawab persoalan ‘mengapa’ objek tanjung dipilih dalam Pantun 1 sebagai pembayang pantun.

TAHAP KETIGA

Huraian tahap kedua telah menjawab persoalan ‘bagaimana orang Melayu membina makna abstrak terhadap objek konkrit, namun masih terdapat satu persoalan lain yang timbul, iaitu ‘kenapa’ orang Melayu memilih ‘tanjung’ dan bukannya bahagian muka bumi atau latar geografi maritim yang lain. Jika dilihat pada bahagian muka bumi yang lain, seperti teluk, pantai, muara, kuala dan tebing tinggi juga terletak di pesisir pantai, sama seperti tanjung. Jadi, hal ini pastinya tidak dilakukan sewenang-wenang, sebaliknya terhasil daripada ketelitian dan ketajaman minda orang Melayu (Juliana Nopiah et al. 2017). Pengalaman dan kefahaman ciri-ciri atau fungsi dalam sesuatu latar geografi maritim itu adalah pemangkin penciptaan sesuatu bahasa.

Tanjung merupakan salah satu bentuk latar geografi maritim yang terpenting untuk para pelayar dan nelayan yang pergi ke laut. Tanjung menjadi penanda daratan supaya pergerakan perahu atau kapal lebih selamat. Penanda ini bermaksud pelayar atau nelayan boleh mengetahui jarak pengangkutan air mereka sebelum sampai ke daratan, dan dengan itu mereka akan lebih berhati-hati. Kebanyakan tanjung yang terdapat di dunia memiliki sebuah rumah api sebagai panduan bagi pelayar atau nelayan. Bagi pelayar dan nelayan, tanjung merupakan kawasan yang pertama dilihat sebelum tiba di daratan (Jusoh 2021). Tanjung ditandai dengan rumah api kerana keadaan kawasannya yang cetek. Jadi, penggunaan pengangkutan air yang lebih kecil seperti rakit, sampan dan sebagai lebih mudah dan selamat. Tanjung juga bukan kawasan yang boleh dijadikan kawasan penempatan kerana kawasan ini mudah untuk terhakis disebabkan gelombang dan ombak yang kuat. Namun, kawasan tanjung ini berpotensi untuk dibangunkan dan perlu dipelihara. Di Malaysia, terdapat banyak kawasan tanjung yang dijadikan kawasan ekonomi manusia (geografi manusia). Menurut Perbadanan Taman Negara Johor, kawasan Tanjung Piai atau dikenali sebagai *Cape of The Golden Leather Ferm* telah dijadikan kawasan pelancongan antarabangsa sejak tahun 1997 kerana memiliki 29 spesies bakau. Hal ini demikian kerana, kawasan Tanjung Piai ini disaluti dengan kawasan berlumpur lembut dan bukannya batuan serta sesuai untuk penanaman pokok bakau.

Selain itu, berdasarkan kajian geologi, terdapat istilah yang dikenali sebagai batu jatuh (*dropstone*) yang dikaitkan dengan proses pemendapan sedimen oleh air batu yang terapung (glasier/aisberg) (Ibrahim Komoo 2016). Kebanyakan

kawasan tanjung ini merupakan kawasan batu jatuh. Kawasan batu jatuh ini terdiri daripada batuan jenis granit, kapur dan kuarza. Di Malaysia, terdapat satu kawasan tanjung yang menjadi tapak geologi yang sangat penting terhadap ilmu geologi Malaysia dan Asia Tenggara (Kamal Roslan 2014). Kawasan Tanjung Mali, Langkawi merupakan salah satu tapak utama sebagai bukti pembentukan bumi Malaysia dan Asia Tenggara. Menurut ahli geologi, pembentukan batuan di kawasan Tanjung Mali ini terbentuk daripada jujukan batu lumpur tebal yang berlapis-lapis dengan batu pasir nipis. Berdasarkan ciri-ciri dan fungsi tanjung dari kaca mata geografi fizikal (saintifik) dan geografi manusia (sains sosial) telah terbukti kepentingan tanjung kepada manusia melalui penyelidikan.

Objek ‘tanjung’ dalam pantun merupakan cerapan kebijaksanaan orang Melayu terdahulu melalui pengamatan dan pengalaman yang telah dilalui mereka. Orang Melayu mampu untuk mengabstraksikan sesuatu analogi kepada objek konkrit. Ketajaman pemikiran orang Melayu pada zaman dahulu turut bersandarkan kepada falsafah hidup, bukan sahaja pengetahuan berhubung dengan alam semula jadi semata-mata. Falsafah dan akal budi yang dapat dicungkil melalui pemilihan objek ‘tanjung’ dalam pantun 1 ini ialah tatacara dalam hubungan berkasih sayang. Orang Melayu sangat menjaga dan berhati-hati dalam memilih, menilai dan membuat keputusan sebelum menyimpan perasaan terhadap seseorang. Cinta yang berputik dianggap sebagai tapak kasih sayang yang diibaratkan seperti ‘tanjung’. Hal ini demikian kerana kawasan tanjung merupakan salah satu tapak pelancongan yang menjadi tarikan orang ramai di samping menjadi kawasan terpenting bagi migrasi spesies burung. Contohnya, kawasan Tanjung Tuan (*Cape Rechado*) yang menjadi kawasan pelancongan dan juga merupakan cagar alam/sanktuari kepada 54 spesies burung serta menjadi tempat persinggahan kira-kira 300,000 burung setiap tahun dari seluruh kawasan di Asia (Majlis Perbandaran Port Dickson 2021). Kecantikan dan kelebihan persekitaran ‘tanjung’ ini diibaratkan sebagai cinta pandang pertama antara dua kekasih kerana cinta itu datangnya dari mata dan turun ke hati setiap insan.

Selain itu, tanjung juga merupakan tapak pertama bagi pembentukan sesebuah daratan. Oleh hal yang demikian, pantun yang mengandungi objek ‘tanjung’ semuanya membawa makna permulaan untuk berkasih sayang dengan lebih mendalam. Pembentukan kasih sayang antara manusia

mempunyai tingkat-tingkat tertentu yang bermula dari saling berpandangan, berkenalan, mengenal hati budi dan akhirnya memupuk rasa cinta dalam hati. Proses pembentukan kasih sayang ini disamakan atau dianalogikan seperti pembentukan ‘tanjung’ yang terbentuk daripada jujukan batu lumpur tebal yang berlapis-lapis dengan batu pasir nipis sebelum menjadi batuan yang lebih keras. Di samping itu, kawasan sekitar ‘tanjung’ yang cetek juga menunjukkan bahawa rasa kasih sayang yang terbina tidak lagi mendalam dan masih berada dalam tempoh perkenalan. Di samping itu, kawasan tanjung yang tidak menjadi kawasan penempatan tetap dapat menggambarkan kasih sayang yang belum kukuh seperti hubungan perkahwinan atau kasih sayang dalam berumah tangga. Berdasarkan ciri-ciri, fungsi dan kepentingan ‘tanjung’ kepada manusia terselit ilmu kasih sayang yang diamalkan dalam masyarakat Melayu terdahulu.

Selanjutnya, beralih pula kepada latar geografi maritim ‘pulau’, seperti yang terdapat dalam Pantun 2 yang berikut.

Pantun 2

Pulau Pemanggil teluk empat, Tampak dari Johor lama; Adik tinggal menunggu tempat, Abang pergi takkan lama.
--

TAHAP PERTAMA

Makna Pantun 2 secara harfiahnya menceritakan tentang ciri-ciri dan geomorfologi Pulau Pemanggil yang mempunyai empat teluk utama. Pulau Pemanggil merupakan salah satu pulau yang wujud di peta Malaysia kini dan kedudukan pulau ini berhampiran dengan negeri Johor, yang boleh dilihat dari pesisir Pantai Mersing. Berdasarkan baris makna Pantun 2 ini, terdapat pesanan seorang lelaki kepada kekasihnya supaya menunggunya pulang kerana pemergiannya tidak akan mengambil masa yang lama.

TAHAP KEDUA


Proses bermula dengan memahami bentuk-bentuk logik objek ‘pulau’ yang dianggap sebagai metafora. Jadual 4 menunjukkan analisis eksplikatur – bentuk logik:

JADUAL 4. Analisis eksplikatur – bentuk logik leksikal ‘pulau’

Eksplikatur	Bentuk Logik
Pulau	<p>PULAU = Kawasan tanah yang dikelilingi air di laut atau di sungai.</p> <p>(Kamus Dewan Perdana 2020)</p> <p>Daratan yang dibentuk secara alami dan dikelilingi oleh air, dan selalu berada di atas muka air tinggi.</p> <p>(UNCLOS 1982 fasal 121)</p>

Proses ini diteruskan dengan proses pengukuhan maklumat ensiklopedia. Proses ini adalah untuk mengukuhkan bentuk logik yang telah dihasilkan sebelum ini. Bentuk logik yang terhasil ini boleh mencapai tahap kerelevanan yang tertinggi jika pendengar atau pembaca berada dalam persekitaran kognitif pemantun. Maklumat ensiklopedia yang dapat dihasilkan terhadap objek ‘pulau’ adalah seperti PULAU DI TENGAH LAUT, PULAU JAUH DARI DARATAN, PULAU DIKELILINGI AIR, PULAU BANYAK SAIZ, dan PULAU PERLU ADA PENGANGKUTAN. Pemahaman secara umum terhadap pulau sangat penting untuk membentuk makna seterusnya. Jika pantun ini hanya difahami

secara literal sahaja, maka objek ‘pulau’ hanya dapat ditafsirkan sebagai salah satu kawasan atau lokatif sahaja. Namun, jika pendengar atau pembaca dapat membuat pentafsiran yang lebih dalam, maka makna tersirat di sebalik objek ‘pulau’ tidak lagi sebagai satu kawasan atau tempat. Analisis tahap kedua diteruskan dengan proses penyempitan makna bagi PULAU. Melalui proses penyempitan ini, makna metafora di sebalik objek PULAU dapat ditafsirkan. Hal ini demikian kerana, PULAU adalah salah satu kekaburan makna yang perlu diinterpretasikan. Rajah 4 yang berikut merupakan proses *ad-hoc* penyempitan bagi PULAU.



RAJAH 4. Laluan inferens PULAU

Laluan inferens ini terbentuk daripada eksplikatur PULAU kepada konsep fizikal, iaitu lokatif atau tempat. Melalui pemahaman terhadap konsep fizikal ini, pendengar atau pembaca boleh meluaskan pemahaman dengan menghasilkan konsep JARAK KASIH SAYANG yang berbentuk abstrak. Pulau merupakan daratan yang bertaburan di atas permukaan air dan secara logiknya terdapat jarak antara satu pulau ke satu pulau yang lain. Jarak merujuk kepada ruang (sela) di antara dua benda atau tempat (Kamus Dewan Perdana 2020). Dragos Simandan (2020) menyatakan bahawa jarak subjektif atau psikologi dalam bidang geografi manusia yang melibatkan jarak ruang, jarak sementara, jarak sosial dan jarak hipotetikal. Berdasarkan penelitian terhadap pola-pola pantun yang mengandungi objek ‘pulau’, pengkaji mentafsirkan bahawa jarak mempunyai dua pembahagian, iaitu jarak fizikal dan jarak batin. Berdasarkan maklumat ini, pengkaji menganalogikan PULAU itu sebagai JARAK KASIH SAYANG.


Proses pemetaan makna ini adalah berdasarkan premis yang terdapat dalam bait-bait Pantun 2 seperti klausa ‘tampak dari Johor lama’, ‘adik tinggal menunggu tempat’ dan ‘abang pergi takkan lama’. Melalui pembayang ‘tampak dari Johor Lama’ jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur jarak fizikal di satu lokasi ke satu lokasi yang lain, iaitu kedudukan Pulau Pemanggil dan negeri Johor. Frasa ‘adik tinggal menunggu tempat’ dan ‘abang pergi takkan lama’ dalam baris makna Pantun 2 ini menunjukkan wujud satu perasaan jarak jauh antara pasangan kekasih ini. Melalui baris makna ini juga pengkaji menginterpretasikan terdapat JARAK KASIH SAYANG wujud dalam perjanjian yang telah dibuat. Lantas, pengkaji telah menghasilkan banyak inferens dan selanjutnya memilih satu kesimpulan yang paling relevan. Contoh yang berikut menunjukkan beberapa inferens yang telah dibuat.

1. PULAU ADALAH KAWASAN YANG DIKELILINGI AIR
2. PULAU TERLETAK DI TENGAH LAUT

3. PULAU JAUH DARI DARATAN
4. PULAU PENANDA JARAK KEPADA PELAYAR
5. PULAU ADALAH JARAK KASIH SAYANG*

Andaian implikatur di atas boleh berlanjutan sekiranya tidak dikawal. Namun, andaian perlulah yang berkaitan dengan maksud PULAU. Inferens (a) dan (b) bersifat literal kerana tidak mengandungi metafora. Oleh itu, inferens ini ditolak kerana bukan inferens yang relevan. Pilihan (c) dan (d) merupakan inferens yang berbentuk metonimi kerana merujuk kepada jarak, kedudukan dan fungsi PULAU. Sungguhpun begitu, inferens ini tidak dianggap sebagai makna metafora yang diimplikasikan oleh pemantun. Berdasarkan andaian kontekstual

dan kesan kognitif yang telah diperoleh, maka inferens (e) ialah inferens yang paling relevan dan mengandungi makna yang ingin disampaikan oleh pemantun. Hal ini demikian kerana, setiap pasangan yang berjauhan di mata, maka wujud rasa rindu dan terkenang-kenang di dalam hati. Melalui konsep *ad-hoc* penyempitan ini, pendengar atau pembaca perlu memilih inferens yang paling hampir atau paling relevan dalam lingkungan C* bagi leksikal PULAU dan terhasillah makna yang diinginkan, iaitu JARAK KASIH SAYANG, maka inferens yang berada dalam lingkungan L akan tergugur dengan sendirinya. Rajah 5 menunjukkan Gambar rajah Venn bagi proses kognitif yang terjadi dalam minda manusia berdasarkan inferens yang telah dihasilkan.



RAJAH 5. Proses ad-hoc penyempitan leksikal PULAU

Rajah 5 menunjukkan proses pemilihan andaian dan inferens yang paling relevan. Proses ini berlaku secara pantas dalam minda kognitif manusia. Secara gambarannya, inferens yang terdapat dalam lingkungan C* adalah inferens yang paling relevan dengan makna yang ingin disampaikan dalam Pantun 2. Maka, inferens yang wujud dalam lingkungan L akan tergugur dengan sendirinya.

TAHAP KETIGA

Analisis yang telah dijalankan pada tahap pertama dan kedua telah menghuraikan pembentukan makna tersirat daripada metafora PULAU kepada JARAK KASIH SAYANG dengan berpada. Sebagai pelayar dan nelayan, mereka sentiasa cakna dengan ilmu kelautan dan bentuk muka bumi yang mereka temui di lautan atau di persisiran daratan. Justeru, tidak hairanlah apabila orang Melayu menjadikan bentuk

muka bumi sebagai kiasan atau rujukan ketika mereka berbicara. Pulau bukan sekadar tanah atau kawasan yang dikelilingi air dan ditumbuhi dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan. Terdapat banyak pulau yang menjadi tempat peranginan, contohnya Pulau Langkawi, Pulau Perhentian, Pulau Tioman dan banyak lagi. Di samping itu, di pulau-pulau peranginan ini turut terdapat taman laut yang menjadi tarikan utama para pelancong. Maklumat ini dapat menunjukkan bahawa pulau merupakan satu sumber ekonomi dan kawasan ekonomi kepada masyarakat dan negara. Pada zaman dahulu, pulau telah dijadikan sebagai kawasan penempatan dan persinggahan para pedagang, contohnya seperti Pulau Temasik (Singapura) (Asep Saefullah 2016).

Dalam bidang Geografi, dijelaskan bahawa pembentukan sesebuah pulau berlaku melalui tiga cara, iaitu pencairan ais atau banjir besar, aktiviti gunung berapi dan pemendapan sedimen atau batu

karang yang terkumpul (P. Astjario dan I.N. Astawa 2005). Kesemua cara pembentukan ini mengambil masa yang sangat lama sehingga boleh mencapai berjuta-juta tahun. Pulau yang terhasil daripada pencairan ais atau banjir ini merupakan pemecahan daratan daripada benua yang sedia ada hasil daripada peningkatan paras air laut yang berlaku. Sebagai contoh, Pentas Sunda atau *Sunda Land* telah terpecah akibat daripada tiga banjir besar, iaitu pada 14, 000, 12, 000 dan 8, 000 tahun dahulu (Zaharah Sulaiman 2016). Selain itu, pembentukan pulau melalui aktiviti gunung berapi yang aktif terhasil daripada pembekuan magma di dasar laut. Contohnya, Pulau Gili Trawangan, Gili Meno dan Gili Air, Indonesia yang terhasil daripada lelehan magma di dasar laut.

Lelehan atau aliran magma ini akan membeku dan membentuk bongkah-bongkah yang menyerupai bantal dan disebut sebagai lava bantal (Pillow Lava) (P. Astjario dan I.N. Astawa 2005). Melalui cara ketiga iaitu dengan pemendapan sendimen seperti yang berlaku di pesisir pantai Pulau Gili Trawangan, Gili Meno dan Gili Air tersusun dari rombakan terumbu karang, cangkerang binatang laut, mineral-mineral dan fragmen batuan berwarna hitam sehingga abu-abu gelap, fragmen batuan antara lain batu apung dan sedikit mineral berwarna terang, seperti kuarsa (N. Suratno 1994). Proses yang mengambil masa yang lama ini dapat menunjukkan bahawa pembentukan sesebuah pulau menjadi sangat kuat dan kukuh sehingga terdapat pulau besar yang boleh dijadikan kawasan penempatan kekal sebagai contoh, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman yang terdapat kawasan perkampungan yang dibangunkan.

Pulau juga sangat penting kepada pelayar atau nelayan-nelayan kecil. Hal ini demikian kerana pulau menjadi penanda arah perjalanan di lautan.

Pulau-pulau yang terdapat di lautan merupakan penentu jarak sesuatu tempat ke tempat lain dan juga jarak masa perjalanan (Ngah 2021). Berdasarkan pengalaman nelayan di Pantai Timur, pada masa dahulu orang Melayu yang pergi ke laut tidak menggunakan kompas. Justeru, pulau-pulau dan bintang ini dijadikan panduan untuk belayar di laut. Menurut Azhari Muda dan Jusoh (2021), puncak bukit atau gunung yang terletak di pulau merupakan rujukan utama pelayar atau nelayan untuk menentukan arah pelayaran yang betul. Hal ini turut tercatat dalam pantun 3 dan pantun 4 yang berikut.


Pantun 3

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan di kandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

Pantun 4

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang dua;
Hancurlah badan dikandung tanah,
Budilah baik dikenang jua.

Kedua-dua contoh pantun membuktikan bahawa terdapat kedudukan-kedudukan tertentu yang akan menampakkan puncak Gunung Daik itu dilihat tiga cabang dan juga boleh dilihat dua cabang. Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan puncak Gunung Daik.



GAMBAR 1. Tiga cabang

Sumber: <https://linggabundatanahmelayu.wordpress.com/2014/05/25/patahnya-gunung-daik/>



GAMBAR 2. Dua cabang

Sumber: <https://www.flickr.com/photos/cakkarudie/6985302368>

Seterusnya, apakah falsafah di sebalik Pantun 2 yang telah dianalisis? Mengapa objek 'pulau' yang dipilih sebagai metafora 'jarak kasih sayang'? Segala persoalan ini telah dijawab dengan merujuk kepada ciri-ciri 'pulau' dan fungsi 'pulau' yang telah dijelaskan sebelum ini. Makna pantun yang mengandungi objek 'pulau' hampir kesemuanya melibatkan perasaan kasih sayang selangkah melebihi proses pengenalan, iaitu sudah menjalinkan hubungan kasih sayang lantas diibaratkan seperti ciri-ciri 'pulau' yang lebih kukuh dan besar daripada tanjung. Pulau menjadi salah satu tempat untuk mencari kesenangan bagi menghalalkan hubungan percintaan yang telah terjalin. Oleh hal yang demikian, lelaki yang ingin menghalalkan hubungan cintanya terpaksa belayar ke pulau lain atau ke tempat lain demi mencari kekayaan dan kesenangan untuk dibawa pulang. Dalam masa yang sama, hal ini dapat menunjukkan bahawa penggunaan objek 'pulau' juga mengandungi harapan baharu dan usaha dalam proses menjalinkan hubungan berkasih sayang.

Selain itu, proses pembentukan 'pulau' yang mengambil masa berjuta-juta tahun dapat menunjukkan bahawa sesebuah hubungan kasih sayang yang mula terjalin memerlukan masa untuk mengenal hati budi masing-masing. Sesebuah hubungan kasih sayang yang terjalin dalam amalan masyarakat Melayu terdahulu tidaklah semudah yang disangka. Kasih sayang yang terjalin memerlukan masa supaya ikatan tersebut benar-benar kukuh dan kekal selamanya, ibarat 'pulau' yang terbentuk. Pulau yang telah terbentuk selalunya memiliki gunung-gunung yang menjadi mercu tanda dapat diibaratkan seperti kehebatan hubungan kasih sayang yang telah terbina. Bagi tujuan bergerak dari pulau ke pulau serta ke tempat lain, orang Melayu terdahulu telah menciptakan pelbagai jenis pengangkutan air yang turut tercatat dalam pantun.

KESIMPULAN

Objek yang digunakan dalam bait-bait pantun bukan bersifat sewenang-wenangnya, namun sarat dengan ilmu dan falsafah yang melangkaui pelbagai disiplin ilmu. Segala pengalaman pelayaran mahupun kemahiran membina pengangkutan air terangkum dalam serangkap pantun yang membawa makna tertentu dalam kasih sayang. Domain geografi berkaitan tempat dalam pantun menyimpan ilmu dan nilai falsafah yang tersendiri. Geografi tempat seperti tanjung dan pulau merupakan lokatif yang dipilih bagi menunjukkan proses yang berlaku dalam hubungan kasih sayang sesama manusia. Tanjung menggambarkan tapak dalam hubungan berkasih sayang, iaitu permulaan sebelum membina hubungan kasih sayang. Hal ini melibatkan proses pengenalan dan pemilihan pasangan hidup secara teliti dan berhemah. Perkara ini dapat menunjukkan bahawa amalan yang dilakukan dalam masyarakat Melayu yang bertunjangkan agama Islam dalam memilih pasangan hidup. Pulau merujuk kepada jarak dalam hubungan berkasih yang terdiri daripada jarak secara fizikal dan jarak secara batin. Pulau menunjukkan langkah pertama dalam hubungan kasih sayang, iaitu berkaitan dengan perasaan cinta yang telah terjalin. Dalam pantun, pulau mewakili proses untuk menghalalkan hubungan percintaan tersebut. Sesebuah hubungan percintaan terkandung rasa sayang, rindu dan usaha untuk merealisasikan hubungan yang lebih kukuh, iaitu melalui perkahwinan. Budaya masyarakat Melayu sangat menitikberatkan cara untuk menjalinkan hubungan kasih sayang di antara satu sama lain. Proses tersebut meliputi tatacara, adab dan kesantunan sebelum seseorang individu menjalinkan hubungan dengan seseorang yang lain. Penghuraian data adalah berpandukan kepada pendekatan semantik inkuisitif, di samping mengaplikasikan konsep *ad-hoc*. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa

pentingnya untuk mencungkil makna sebenar sehingga menemui falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sesebuah ungkapan pantun. Hal ini bukan sahaja dapat membantu pendengar atau pembaca untuk memahami maksud, tetapi secara tidak langsung pendengar atau pembaca akan lebih menghayati maksud dan mesej yang hendak disampaikan oleh nenek moyang kita terdahulu.

RUJUKAN

- Asep Saefullah. 2016. Tumasik: Sejarah Awal Islam di Singapura (1200-1511 M). *Jurnal Lektur Keagamaan* 14 (2): 419-456.
- Azhari Muda. 2021. Pengalaman dan kerjaya sebagai nelayan di Pantai Timur, Terengganu. Temu bual, 5 April.
- Cakkarudie. 28 April 2012. Gunung Daik. <https://www.flickr.com/photos/cakkarudie/6985302368.html> [28 Oktober 2021].
- Carston, R. 2002. *Thought and Utterance*. Oxford: Blackwell.
- Dragos Simandan. 2020. Distance. Dlm. *International Encyclopedia of Human Geography* Edisi kedua. hlm. 393-397. Canada: Brock University.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Ibrahim Komoo. 2016. *Geotapak batu jatuh Tanjung Mali*. <https://ibrahimkomoo.com/2016/09/12/geotapak-batu-jatuh-tanjung-mali/>. Html [18 Julai 2021].
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan. 2017. Refleksi dualisme 'durian timun' dalam peribahasa Melayu: pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik* 21(2): 1-14.
- Jusoh bin Embong. 2021. Pengalaman dan kerjaya sebagai nelayan di Pantai Timur, Terengganu. Temu bual, 4 April.
- Kamal Roslan Mohamed. 2014. *Pembangunan lestari sumber warisan untuk kesejahteraan masyarakat setempat*. AP-2014-007. <https://www.ukm.my/lestari/news/warisan-semulajadi-Tanjung-Mali/html> [17 Julai 2021].
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalila Iliia & Mohd Faizal. 2014. Makanan dalam pembayang pantun Melayu berdasarkan Kumpulan Kurik Kundi Merah Saga: satu pengamatan awal. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah dan Budaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 167-180.
- Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lingga. 25 Mei 2014. Patahnya Gunung Daik. <https://linggabundatanahmelayu.wordpress.com/2014/05/25/patahnya-gunung-daik/>. html [28 Oktober 2021].
- Madiawati Mamat@Mustaffa, Nurhamizah Hashim dan Eizah Mat Hussain. 2020. Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia baharu melalui kumpulan pantun warisan. *Jurnal Melayu* 19(1).
- Maizura dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis pragmatik. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 11(1).
- Majlis Perbandaran Port Dickson. 18 Julai 2021. Rumah Api Tanjung Tuan. <http://www.mppd.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/rumah-api-tanjung-tuan>. [22Julai 2021].
- Maulana Al-Fin dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Unsur burung dalam pantun: analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(1). Bangi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rashid Md Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Perak: Penerbit UPSI.
- Muhamad Fadzllah Hj Zaini. 2015. Analisis pemetaan metafora unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu: satu tinjauan awal. Kertas kerja *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. UPM.
- Muhammad Haji Salleh. 2011. Sailing the archipelago in a boat of rhymes pantun in the Malay world. Vol. 13(1) (April 2011):78-104. Indonesia. Faculty of Humanities, University of Indonesia.
- N. Suratno. 1994. Peta Geologi dan Potensi Bahan Galian Nusa Tenggara Barat. Lembar Lombok dan Sumbawa. Sekala 1: 250.000. Kanwil DPE, NTB, Mataram.
- Ngh Mat Zin. 2021. Pengalaman dan kerjaya sebagai nelayan di Pantai Timur, Terengganu. Temu bual, 5 April.
- Nik Safiah Karim. 2006. Keindahan Bahasa Melayu dalam Pantun. Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias, *Pandangan Semesta Melayu Pantun*. 1-32. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. Budaya penyelidikan bertamadun. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman (pnyt). *Linguistik: Teori dan Aplikasi*, hlm. 16-37. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Syarahan Perdana Jawatan Proffesor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2019. Ulam-ulaman dan akal budi Melayu. *Prosiding Seminar Gastronomi Melayu Kebangsaan (SEGEMUK 2019)*, hlm. 59-76. Bangi. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020a. Objek dalam metafora dan akal budi Melayu. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2): 199-222.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020b. *Kecendekiaan Melayu Melalui Bahasa Sastera dan Budaya Sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Nur Ain Nasir, Zuraidah Jantan dan Rozaimah Rashidin. 2019. Imej Wanita Dalam Pantun Melayu. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2019)*, hlm. 496-503 Kuala Lumpur. Persatuan Linguistik Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- P. Astjarjo dan I.N. Astawa. 2005. Proses terbentuknya Pulau-pulau Wisata, Gili Trawangan, mena dan air, akibat aktifitas gunung api bawah laut di Pamenang, Kabupaten Lombok Barat. Bandung: *Jurnal Geologi Kelautan* 3(1): 28-34.
- Reenow, Linda L. 1995. *World Geography*. N.J. Neelham: Silver Burdett Ginn Town.
- Salinah Jaafar. 2018. Unsur alam dalam pantun peribahasa bahasa Melayu. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin dan Maslida Yusof (pnyt.) *Kiasan Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sinclair. J. 2004. *Trust the Text: Language, Corpus and Discourse*. (pnyt.) Ronald Carter: London & New York. Routledge & Francis e-library.

- Siti Khairiah. 2012. Unsur feminisme dalam pantun Melayu. PENDETA: *Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu* Jilid 3. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suharyono F. V. & Moch. Amien. 1994. *Pengantar Geografi Filsafat*. Jakarta: Direktorat Jendral Pendidikan Tinggi Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Maulana Al-Fin Che Man
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: maulanaalfin91ukm@yahoo.com
- Nor Hashimah Jalaluddin
Felo Tamu ATMA
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: shima@ukm.edu.my
- Junaini Kasdan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: junaini@ukm.edu.my
- Diserahkan: 1 Oktober 2021
Diterima: 8 Februari 2022
- UNCLOS, Malaysia. 1982. Hukum laut antarabangsa fasal 121. Dlm. *Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-pulau dan Taman Laut 2015*. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
- Xu You Nian. 2015. *Kajian Perbandingan Pantun Melayu dengan Nyanyian Rakyat Cina* / (Penulis). Ding Choo Ming dan Goh Sang Seong (Penterjemah). Selangor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zaharah Sulaiman, Wan Hashim Wan Teh dan Nik Hassan Shuhaimi. 2016. *Sejarah Tamadun Alam Melayu - Asal Usul Melayu, Induknya Di Benua Sunda*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zahir Ahmad. 2005. Pantun Melayu sebagai manifestasi sosiobudaya dan pensejarahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 241-254.